

Guna pelan B

Mohon kolam takungan air atasi banjir

NORAFIZA JAAFAR

RAWANG - Masalah banjir berulang melibatkan jalan Batu Arang-Rawang dijangka selesai selepas permohonan menggunakan tanah seluas 1.2 hektar untuk dijadikan kolam takungan air diluluskan.

Pegawai Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Dahlan berkata, pihaknya akan menghantar permohonan pewartaan tanah itu kepada kerajaan negeri di bawah Seksyen 62 Akta Kanun Tanah Negara dan akan menjalankan kerja sejurus kelulusan diterima.

Menurutnya, kolam sedia

ada akan dibesarkan dan didalamkan sebagai penyelesaian jangka masa panjang.

"Tindakan jangka pendek yang dibuat sebelum ini iaitu mengorek mendapan di Sg Gong tak selesaikan masalah disebabkan faktor pembangunan pesat di situ.

"Semua agensi akan terlibat memantau pelaksanaan projek kolam takungan air terdiri Jabatan Pengairan dan Saliran Gombak, Majlis Perbandaran Selangang (MPS) serta pemaju projek berhampiran," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPS,

Ir Zolkaflee Abd Hamid berkata, MPS telah mengeluarkan kompaun kepada sebuah syarikat pemaju projek perumahan di situ kerana kegagalan menyelenggara perangkap mendapan pada projeknya.

"Kesannya setiap kali hujan, mendapan lumpur akan turun bersama sebelum mengalir ke sungai dan menghalang laluan air.

"Tindakan diambil di bawah Seksyen 31 (b) undang-undang kecil kerja tanah kerana pelanggaran syarat penyelenggaraan dikenakan kompaun RM1,000 dan sedang dalam pemantauan untuk arahan henti kerja," katanya.

Beberapa agensi turun padang meninjau lokasi tapak untuk dijadikan kolam takungan air selepas insiden banjir baru-baru ini yang mengakibatkan pengguna dari arah Bandar Country Homes dan Bandar Tasik Puteri tersangkut untuk keluar ke tol Rawang.

Kejadian yang berlaku jam 7 pagi itu menyebabkan jalan yang terkenal dengan kesesakan lalu lintas menjadi semakin teruk memaksa pengguna melalui jalan Kundang lama.



Lawatan beberapa agensi termasuk pemimpin di sebuah kolam berhampiran Bandar Country Homes.